

24 MAY 2002

Argentina-Hari revolusi

M'SIA HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA ARGENTINA

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini mengutus ucapan tahniah kepada Argentina sempena sambutan Hari Revolusi negara itu.

Dalam perutusan kepada Presiden Argentina Dr Eduardo Alberto Duhaide, Seri Paduka berharap presiden itu akan dikurniakan kesihatan yang baik.

Perutusan Seri Paduka, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini hari ini.

Dalam perutusan kepada Duhaide, Dr Mahathir berharap hubungan persahabatan dan kerjasama antara penduduk kedua-dua negara akan terus berkembang.

"Saya menaruh keyakinan bahawa Argentina akan mengecap keamanan, kemajuan dan kemakmuran untuk tahun-tahun yang akan datang di bawah kepimpinan presiden," kata Dr Mahathir.

Dalam perutusan kepada rakan sejawatannya, Carlos Federico Ruckauf, Syed Hamid berkata Malaysia memandang ke hadapan untuk bekerja rapat dengan Ruckauf bagi meningkatkan hubungan yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

"Saya yakin bahawa hasrat bersama kita akan menyumbang kepada kemakmuran kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA

MFJ MFJ LAT